

- (b) Perkataan *berbagai-bagai* bersamaan maksud dengan *perbagai* dan *pelbagai* yang merujuk maksud jamak. Perkataan-perkataan ini perlulah dibezakan dengan perkataan *berbagai* yang bermaksud tidak terhingga.
- (c) Perkataan *setengah-setengah* bersamaan maksudnya dengan *sesetengah* dan perlu dibezakan dengan perkataan *setengah* yang bermaksud separuh.

2. Kata Bilangan Tingkat, Tentu dan Himpunan

Terdapat perbezaan maksud yang amat ketara bagi ketiga-tiga kata bilangan ini.

Contoh:

kedua, dua dan kedua-dua

Contoh penggunaan: Pak Wan mempunyai *dua* ekor lembu jantan. *Kedua-dua* ekor lembu jantan itu disembelih pada hari raya *kedua*.

3. Penggunaan Penanda Jamak

Kata bilangan yang menunjukkan makna jamak perlu dielakkan daripada penggunaan penanda jamak.

Salah	Betul
Dua orang pelajar-pelajar	Dua orang pelajar
Setiap murid-murid	Setiap murid
Semuanya cantik-cantik belaka	Semuanya cantik belaka



Latihan Pengukuhan

A. Pilih jawaban yang paling sesuai.

1. Pihak sekolah mengambil _____ langkah bagi menjamin keselamatan murid di sekolah.
A berbagai **B** pelbagai
2. _____ usaha dilakukan bagi meningkatkan taraf hidup golongan miskin di negara ini.
A Perbagai **B** Berbagai-berbagai
3. Kamus terbaharu itu amat berguna untuk _____ lapisan masyarakat terutamanya pelajar.
A segala **B** segenap
4. Hampir _____ hartanya musnah dalam kejadian kebakaran rumahnya semalam.
A setengah **B** sesetengah

5. _____ daripada pelajar suka datang lewat ke sekolah terutama jika hari hujan.
A Setengah B Seseengah
6. _____ hari yang lalu dia dimarahi guru kerana ponteng sekolah.
A Berapa B Beberapa
7. Dalam peperiksaan itu saya mendapat markah _____ tertinggi di dalam kelas.
A kedua B kedua-dua
8. Pada hari minggu, kedai ubat itu dibuka _____ hari sahaja.
A separuh B seseengah
9. _____ pelajar di universiti itu mengadakan khidmat masyarakat di sini.
A Pepara B Para
10. _____ pendapat yang dikemukakan akan dibincangkan dengan lebih mendalam.
A Segala B Para

B. Pilih jawapan yang betul.

1. _____ diperlukan untuk mengangkat barang-barang yang berat dari lori itu.
A Beberapa orang lelaki B Beberapa orang lelaki-lelaki
2. Kami mengambil masa _____ untuk sampai ke puncak Denai Tiga Puteri itu.
A jam dua setengah B dua jam setengah
3. _____ diwajibkan untuk menduduki ujian tahap kecergasan pada petang ini.
A Setiap murid B Setiap orang murid
4. Majlis perasmian itu akan bermula pada _____ petang ini di dewan utama.
A jam dua setengah B dua jam setengah
5. Konsert itu dihadiri oleh _____ setia sejak awal petang lagi.
A ribuan orang peminat B beribu-ribu orang peminat
6. Sudah _____ saya dan keluarga tinggal di Desa Ixora ini.
A berpuluh tahun B berpuluh-puluh tahun
7. _____ itu disimpan untuk anak kesayangannya yang akan balik petang ini.
A Setengah daripada kek B Seseengah daripada kek
8. Terdapat _____ suka gentayangan di bandar bersama dengan teman-teman mereka.
A seseengah orang muda B setengah orang muda
9. _____ ditanam oleh jiran-jiran di sekeliling kawasan perumahan itu.
A Pelbagai jenis pepohon B Pelbagai jenis pohon
10. _____ yang dipamerkan di kedai itu sudah dibeli oleh orang ramai.
A Sebahagian daripada kereta B Sebahagian daripada kereta-kereta